



Surat Kami : 500 ILQaM (17/5/3)
Tarikh : 24 Mac 2008

Semua
Dekan Fakulti
Pengarah Kampus
Ketua Bahagian/Unit
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

KURSUS DAN PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA (SSM) UNTUK TAHUN 2008 BAGI STAF AKADEMIK UiTM

Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (ILQaM) akan menganjurkan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan 1/2008 pada 8 hingga 14 Jun 2008 dan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan pada 27 hingga 28 Julai 2008. Staf akademik adalah dipelawa untuk memohon menduduki PTK sebagai salah satu syarat anjakan gaji dan kenaikan pangkat.

SYARAT-SYARAT LAYAK MENDUDUKI PTK

1. Memilih Sistem Saraan Malaysia
2. Jawatan Tetap
3. Prestasi terkini sekurang-kurangnya 80%
4. Telah disahkan dalam jawatan
5. Berada di gred jawatan hakiki
6. Disokong oleh Ketua Jabatan

PERMOHONAN

Semua permohonan boleh dibuat secara on-line mulai **1 April 2008**. Staf akademik diminta mendaftar dengan **portal i-staf** bagi membolehkan pendaftaran dibuat secara on-line dengan melayari laman web UiTM di www.uitm.edu.my.


TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 April 2008**.

Sehubungan dengan itu, sukacita Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan dapat memanjangkan perkara tersebut di atas kepada staf akademik di fakulti/kampus/bahagian masing-masing.

Sekian.

Yang benar


PROF. DR FAUZIAH NOORDIN
Penolong Naib Canselor

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan)
Pendaftar